

06/05/1997

G7 berlagak sebagai penjajah

Zainuddin Ayip in Kasane (Botswana)

KASANE (Botswana), Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur sikap angkuh dan bongkak negara maju yang menganggotai kumpulan tujuh negara (G7) kerana tidak menghiraukan pendapat negara lain.

Menurut Perdana Menteri, negara membangun mahu sekurang-kurangnya pandangan mereka didengar dahulu sebelum G7 membuat keputusan membabitkan perkara yang ada kaitan dengan mereka.

"Malangnya pendapat kita tidak dipedulikan," katanya pada Dialog Antarabangsa Selatan Afrika 1997 selama dua hari, yang bermula di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, G7 enggan berbincang dengan pengerusi Pertubuhan Berkecuali (NAM), malah mereka tidak mahu bercakap dengan negara anggota G15 atau wakil mereka.

"Dalam demokrasi secara lama, hanya tuan yang berhak bersuara sedangkan orang biasa terpaksa tutup mulut. Nampaknya dalam demokrasi peringkat antarabangsa sekarang, hanya yang kaya boleh bercakap sedangkan yang miskin terus membisu," katanya sambil menambah, ketika negara Utara kehilangan tanah jajahannya di Selatan, mereka menubuhkan Kesatuan Eropah (EC) yang begitu berkuasa.

Tidak cukup dengan itu, kata Perdana Menteri, mereka menubuhkan G7 yang benar-benar menguasai dunia dan bertindak sebagai penjajah.

Kebanyakan negara membangun meminjam wang daripada Bank Dunia untuk projek pembangunannya. Malangnya, ada negara terpaksa membelanjakan 80 peratus pendapatan daripada pertukaran asing untuk membayar hutang hingga menghadapi masalah membayar gaji kakitangan kerajaan.

"Sekarang Bank Dunia menerima lebih banyak pendapatan daripada pembayaran balik hutang daripada mengeluarkan pinjaman. Memang tidak dapat dinafikan Bank Dunia memberi keuntungan besar kepada pemegang saham yang kebanyakannya negara kaya," katanya.

(END)